



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(AKADEMIK & ANTARABANGSA)**

JAWATAN KOSONG

Kami memerlukan individu yang dinamik, inovatif dan bercita-cita tinggi untuk bersama-sama menerokai teknologi baru dalam usaha merealisasikan wawasan universiti sebagai Universiti Penyelidikan bertaraf antarabangsa. Selaras dengan hasrat ini calon-calon yang berkelayakan adalah dipelawa untuk mengisi jawatan berikut:-

JAWATAN	:	PEGAWAI PENYELIDIK
GREd	:	Q41
KUMPULAN PERKHIDMATAN/ KLASIFIKASI	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL/PERKHIDMATAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

JADUAL GAJI :

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM2145.88	RM6871.56	RM 225.00

ELAUN :

Imbuhan Tetap Khidmat Awam	:	RM300.00
Imbuhan Tetap Perumahan	:	RM300.00
Bantuan Sara Hidup	:	RM250.00 – Johor Bahru
Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal	:	5% daripada gaji pokok

SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) i) Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang Sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: RM 2,145.88)

ii) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pertanian atau perikanan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: RM 2,249.66)

iii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: RM 2,353.44)

iv) Ijazah Doktor Perubatan Veterinar yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: RM 2,561.00)

v) Ijazah Sarjana dalam bidang Sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: RM 2,664.78)

vi) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang Sains daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: RM 2,976.11) Dan

d) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**TARAF JAWATAN : KONTRAK
(LANTIKAN TABUNG PEJABAT TNC(A&A)/SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH)**

LOKASI : UTM JOHOR BAHRU

CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:

1. Pemohon hendaklah menghantar **Resume lengkap berserta Salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan yang telah DISAHKAN.**
2. Sila pastikan maklumat adalah benar, lengkap, tepat dan permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses dan akan dianggap tidak berjaya.
3. Calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
4. Salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan yang ASAL hendaklah dibawa semasa menghadiri temuduga.
5. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
6. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan / Badan-badan Berkanun / Kuasa Tempatan hendaklah mengemukakan surat sokongan Ketua Jabatan serta salinan Buku Perkhidmatan dan Laporan Penilaian Prestasi terkini melalui pos kepada Bahagian Pengurusan Modal Insan, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru.

7. Penguasaan Bahasa Inggeris yang **BAIK** akan diberi **keutamaan**.
8. PEROKOK ADALAH TIDAK DIGALAKKAN MEMOHON.

ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP

Permohonan hendaklah sampai kepada:

**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)
BANGUNAN CANSOLARI SULTAN IBRAHIM
ARAS 3
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
81310 UTM JOHOR BAHRU
JOHOR
(U/P: BAHAGIAN SUMBER MANUSIA)**

**TARIKH IKLAN : 09 JUN 2016
TARIKH TUTUP : 23 JUN 2016**

SEKIRANYA ADA SEBARANG PERTANYAAN/KEMUSYKILAN SILA HUBUNGI TALIAN SEPerti BERIKUT: 31186/31039